

UTAMA (/) MENGENAI KAMI (/MENGENAI_KAMI-1) PELAJAR SEMASA (/UPM/PELAJAR_SEMASA-11)
 STAF (/UPM/STAF-13) ALUMNI (/UPM/ALUMNI-14)
 MAKLUMBALAS (HTTP://U-RESPONS.UPM.EDU.MY/ACTION.FORM?PTJ=UPM&LANG=BM&PUBLIC=1)

Carian



Selamat Datang Ke Laman Portal
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



(https://www.malaysia.gov.my)

PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) AKADEMIK (/akademik-15) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2)
 KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan_kampus-18) PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19)

Senarai Berita (/berita)

Penyakit Ikan Mesti Segera Ditangani

Oleh Azman Zakaria

Foto oleh Marina Ismail



SERDANG, 4 April - Ahli sains perlu bergadung bahu dan meningkatkan kerjasama dengan pemegang taruh lain untuk sama-sama memahami secara lebih mendalam mengenai penyakit ikan yang kompleks, cara menanganinya dan pengurusan kesihatan haiwan aquatik ke arah memenuhi permintaan terhadap ikan sebagai sumber makanan.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Nik Ali Mat Yunus berkata potensi industri akuatik adalah tinggi dan semakin berkembang, tetapi ia berdepan dengan beberapa isu terutamanya penyakit.

Katanya, adalah penting isu kesihatan ikan ditangani untuk membolehkan aktiviti akuakultur terus berkembang dan industri itu kekal mampu.

Kes penyakit yang sering menyerang ikan dalam sektor komersil adalah satu daripada faktor yang menyebabkan kerugian besar industri itu, katanya sambil memberikan contoh, Koi Herpes Virus (KHV) yang menyebabkan kerugian kira-kira RM1 bilion kepada negara.



LIHAT JUGA



Penyakit ikan mesti segera ditangani
 (/berita/penyakit_ikan_mesti_segera_ditangani-30468)



Pembudayaan Stem Pelajar Ulul Albab Mela Sains Forensik
 (/berita/pembudayaan_stem_pelajar_ulul_ultimodul_sains_forensik-30369)



Penyelidik UPM cipta Inovasi BMC hasilkan tisu pertanian
 (/berita/penyelidik_upm_cipta_inovasi_bmc_turang_dari_tisu_pertanian-30367)



Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang
 Selangor Darul Ehsan

1800 22 5587

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

Beliau berkata, permintaan terhadap sumber ikan meningkat mendadak sejak beberapa dekad lalu ekoran pertambahan penduduk dunia tetapi sumber ikan laut tidak meningkat.

"Di Malaysia, tangkapan ikan menurun dari 1.48 juta tan pada 2013 kepada 1.46 juta tan pada 2015. Ini boleh menjadi petunjuk penurunan pengeluaran ikan di Malaysia, berkemungkinan daripada eksplorasi stok perikanan secara berlebihan atau faktor dalam sekitar lain.

"Cabaran ini dilihat berjaya diatasi melalui industri akuakultur sebagai penyumbang penting sekuriti makanan, yang juga mengurangkan kadar kemiskinan serta menyumbang pendapatan masyarakat," katanya ketika merasmikan International Conference on Advances in Fish Health (ICFISH) 2017, di sini.

Sebanyak 52 kertas kerja dibentang dan dibincangkan oleh pakar dan pemegang taruh bidang akuakultur pada persidangan tiga hari itu yang bertemakan Eradicating Infection, Enhancing Production. ICFISH 2017 membincangkan cabaran dan kemajuan yang diperlukan dalam kawalan penyakit dan cara pengurusan kesihatan haiwan aquatik.



Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. M Iqbal Saripan berkata industri akuakultur pada masa ini sedang berkembang tetapi berdepan dengan penyakit ikan dan pengurusan tidak betul yang menjelaskan industri itu.

Justeru, katanya, penganjuran ICFISH 2017 adalah bertepatan untuk menangani persoalan dan isu kesihatan ikan.

"Sebagai sebuah universiti dengan reputasi kukuh dalam pengajaran dan penyelidikan berasaskan akuakultur di rantau ini, kami berbesar hati dapat menganjurkan persidangan antarabangsa dan menghimpunkan pakar pelbagai bidang penyakit dan kesihatan akuakultur untuk berkongsi idea serta pengetahuan, dan berharap dapat menjalin kerjasama global pada masa depan," katanya. - UPM

Kemaskini:: 05/04/2017 [syifarida]

HUBUNGI KAMI	PAUTAN LUAR	PERKHIDMATAN DALAM TALIAN	PAUTAN PANTAS
Universiti Putra Malaysia 43400 UPM Serdang Selangor Darul Ehsan MALAYSIA	Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my) 1Malaysia (http://www.1malaysia.com.my) Multimedia Super Corridor (http://www.mscmalaysia.my) Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home) Agenzia Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)	KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home) Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/) Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://spln.upm.edu.my/) Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/) Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/) Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/) Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/) Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/) i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp) i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my/j2ee/portal/login.jsp) Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)	FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti) Statistik Transaksi Laman Web (<a "="" etender.upm.edu.my="" href="http://www.Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/) Laporan Piagam Pelanggan (<a dasarunive"="" href="http://www.upm.edu.my/tentang_kami/PiaDasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/DASARUNIVE) Sistem Pengurusan ISO (<a "="" href="http://reg.upm.edu.Dana Wakaf Ilmu (http://www.fund4knowledge.upm.edu.my/) Penerbitan UPM (<a a="" href="http://www.upm.edu.my/kandungan/PenerPoliklinik Putra Medik (<a href=" http:="" kandungan="" polikli<="" www.upm.edu.my="">

[Dasar Privasi \(/footnote/dasar_privasi-29949\)](#) [Hakcipta \(/footnote/hakcipta-29950\)](#)
[RSS \(/footnote/rss-29951\)](#) [Penafian \(/footnote/penafian-29938\)](#)
[Bantuan \(/footnote/bantuan-29937\)](#)
[Dasar Keselamatan \(/footnote/dasar_keselamatan-29939\)](#)

© 2017 Universiti Putra Malaysia
Kemaskini terakhir: 06-04-2017



LANGGAN MELALUI EMAIL **HANTAR**

